

Oleh Rosniza Mohd Taha
roniza@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Manifesto pakatan pembangkang untuk memansuhkan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan memberi pendidikan tinggi percuma adalah tidak realistik dan merugikan negara.

Ketua Kluster Ekonomi dan

Implikasi pendidikan percuma

» **KPT** sudah tawarkan sebagai insentif kepada **pelajar cemerlang**

Kewangan Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, berkata tawaran itu dibuat tanpa mengambil kira implikasinya terhadap ekonomi negara secara keseluruhan serta jumlah golongan yang mendapat manfaat daripadanya.

Katanya, perkara itu diusulkan dengan perspektif yang salah iaitu kecukupan bajet saja untuk menawarkannya tanpa mengambil kira aspek lain termasuk tingkah laku manusia dan kesan limpahan manfaat itu.

"Ekonomi bukan matematik

mudah iaitu campur tolak atau membabitkan persoalan cukup bajet atau tidak saja, tetapi perlu mengambil kira aspek kesesuaian dan kewajarnya. Ini akibatnya apabila pihak yang bukan pakar ekonomi bercakap mengenai ekonomi.

"Contohnya, jika anak darjah dua, wajarkah ibu bapa yang berada membekalkan duit belanja sehingga RM2,000 sehari? Jangan melihat isu ini untuk jangka masa pendek saja," katanya ketika dihubungi.

● Varsiti 2



Penternak ikan moden

Puchong: Usaha Universiti Putra Malaysia memperkenalkan Program Inkubasi Usahawan Tani kian menunjukkan hasil apabila semakin ramai siswazah menceburkan diri ke dalamnya.

Program yang bermatlamat menggalakkan siswazah menjadi majikan sendiri dalam bidang pertanian itu membabitkan pelbagai kursus.

Antara perusahaan yang diusahakan peserta tahun ini termasuk ternakan ikan tilapia merah dan ayam kampung kacukan; tanaman rock melon, pengurusan kafe, restoran dan katering, peruncitan, pemborongan, pengedar dan peng-eksport, pemandu pelancong, pengusaha motel dan pakej pe-lancongan.

UPM lahir usahawan tani

Dari muka 1

Seramai 48 peserta mengikuti Program Inkubasi Usahawan Tani 2013/2014 kelolaan Universiti Putra Malaysia (UPM) mulai Januari lalu hingga Jun ini menerusi peruntukan RM2.6 juta yang diluluskan Kementerian Pengajian Tinggi.



VARSITI

REDAKSI

Dua pelajar UPM memasukkan ikan ke dalam baldi pada hari penuaan ikan tilapia.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli, berkata peserta terbabit mengikuti enam modul program iaitu tanaman, akuakultur, ternakan ayam kampung, perkhidmatan makanan dan ekopelancangan.

Katanya, peserta program itu juga secara automatik menjadi ahli MYAGROSIS yang membolehkan mereka mendapatkan peruntukan atau pinjaman kewangan bagi memulakan perniagaan selepas menamatkan pengajian dengan cara yang mudah menerusi AgroBank atau Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga Nasional (TEKUN).

"Jumlah peserta tahun ini meningkat berbanding 35 peserta pada tahun lalu dan mereka menjalani program enam bulan dalam usaha melahirkan usahawan tani dalam kalangan siswazah. Bagi tempoh dua bulan pertama, peserta akan diberi pendekahan dan pengetahuan mengenai keusahawanan termasuk perundingan perniagaan berkesan, pembangunan pelan perniagaan, penulisan laporan perniagaan dan aspek motivasi.

Bantuan disediakan

"Tempoh empat bulan selanjutnya, peserta akan melaksanakan projek sebenar di lapangan atau ladang meng-



Prof Mohd Fauzi (tengah) bersama-sama wakil syarikat dan peserta mendapat pinjaman Agro Bank dan TEKUN.

kut modul masing-masing. Setiap peserta akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan akan diberikan wang pinjaman sebanyak RM10,000 sebagai pendahuluan bagi mengusahakan projek mereka hingga tahap pemasaran," katanya ketika berucap dalam Majlis Penuaan Ikan Tilapia di Taman Pertanian Universiti di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof Dr Abdul Shukor Juraimi.

Pada majlis sama, turut berlangsung acara penyerahan replika cek pinjaman

perniagaan oleh pihak AgroBank dan TEKUN kepada peserta program Inkubasi Usahawan Tani tahun lalu serta penyerahan kad keahlian MYAGROSIS kepada peserta tahun ini.

Mohd Fauzi berkata seramai 16 peserta program tahun lalu menubuhkan lapan syarikat sama ada secara perseorangan atau perkongsian untuk memulakan perniagaan masing-masing setelah tamat mengikuti program Inkubasi Usahawan Tani.

Daripada jumlah itu, enam syarikat mendapat pinjaman perniagaan daripada AgroBank dan TEKUN iaitu Gemilang AgroBiz yang mengusahakan ternakan ikan tilapia merah dalam sangkar, Fresh Farm Enterprise (tanaman rock melon dan cili), World Garage Resources Enterprise (pengedaran baja kompos) dan Budget Hot Enterprise yang menguruskan makanan segera ayam panggang.

Insentif sebagai galakan

Dari muka 1

Prof Noor Azlan menegaskan manifesto itu perlu difahami rakyat khususnya pengundi muda secara menyeluruh terutama maksud sebenar pendidikan percuma.

Antara lain, katanya, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam kini sudah menikmati kira-kira 90 peratus yuran pengajian percuma dan baki 10 peratus itu sebagai insentif bagi pelajar cemerlang.

Beliau juga menegaskan adalah tidak adil apabila mendakwa kerajaan memberi keutamaan yang salah apabila menyalurkan bajet lebih besar kepada projek mega termasuk pembinaan MRT kerana kemudahan itu sewajarnya disediakan untuk manfaat lebih ramai golongan masyarakat termasuk pelajar IPT.

Istilah harga dalam ekonomi juga, katanya, ialah instrumen yang membezakan kualiti perkhidmatan dan pengajian universiti mahupun pelajar.

"Adilkah apabila pelajar kurang komited yang mendapat D turut menikmati insentif pendidikan percuma sama dengan pelajar cemerlang yang memberi tumpuan dan usaha sewajarnya dalam pengajian mereka? Bagaimana kita hendak menarik dan mengekalkan pakar serta ilmuwan ternama berkhemmat di negara ini jika tidak mampu menawarkan insentif menarik kepada mereka?

"Hal ini antara implikasi yang perlu difikirkan dalam menentukan kewajaran menawarkan pendidikan percuma. Pendidikan percuma tidak seharusnya dijadikan persoalan, tetapi hak yang lebih tepat diperjuangkan

adalah untuk setiap rakyat negara ini layak mendapat pengajian terbaik," katanya.

Khas untuk cemerlang

Mengulas isu sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pendidikan percuma sedia ada ditawarkan kepada pelajar yang berjaya menamatkan pengajian ijazah sarjana muda dengan memperoleh Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya.



EKONOMI BUKAN MATEMATIK MUDAH IAITU CAMPUR TOLAK ATAU MEMBATIKAN persoalan CUKUP BAJET ATAU TIDAK SAJA, TETAPI PERLU MENGAMBIL KIRA ASPEK KESESUAIAN DAN KEWAJARANNYA

Prof Noor Azlan Ghazali

Beliau berkata, penetapan syarat itu bagi memastikan penghasilan pelajar yang benar-benar cemerlang dan memberi perhatian penuh dalam pengajian mereka.

"Hal ini bukan syarat yang berat kerana hakikatnya kita sudah menampung 90 peratus daripada yuran keseluruhan pelajar di universiti awam.

"Baki 10 peratus lagi menuntut komitmen pelajar untuk memastikan pencapaian cemerlang kelas pertama bagi melayakkkan mereka mendapat pengecualian bayaran balik pembayaan pendidikan," katanya pada sidang media bersempena dengan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pengajian Tinggi di Serdang, baru-baru ini.

Beliau turut menegaskan pelaksanaan manifesto Pakatan Rakyat itu tidak munasabah kerana memerlukan peruntukan kewangan tambahan sebanyak RM11 bilion yang akan turut menyebabkan peningkatan cukai dan membebankan rakyat.